

26 MAR 2000

1ST LEAD Mahathir-Menang

DR MAHATHIR KEKALKAN JAWATAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengekalkan jawatan Presiden Umno selepas menerima 133 pencalonan daripada bahagian-bahagian.

Beliau memerlukan 117 pencalonan untuk mengekalkan jawatan itu kerana satu daripada Bahagian telah mencalonkan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan tertinggi itu.

Razaleigh perlu mendapat 49 pencalonan lagi untuk layak sebagai calon bagi jawatan itu kerana Umno mensyaratkan seseorang calon bagi jawatan itu mesti menerima sekurang-kurangnya 50 pencalonan untuk layak bertanding.

Setakat hari ini, hanya 31 Bahagian yang masih belum mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Dengan itu, tiada saipa lagi yang layak untuk bertanding jawatan tertinggi pada pemilihan parti Mei ini.

Dr Mahathir memegang jawatan presiden Umno sejak 1981.

Bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau memerlukan tiga lagi pencalonan untuk menjadikan jumlah pencalonan 135 bagi menang tanpa bertanding jawatan timbalan presiden Umno.

Ini kerana seseorang calon bagi jawatan itu memerlukan 33 pencalonan tetapi bagi menang tanpa bertanding seseorang memerlukan 133 pencalonan.

Bagaimanapun oleh kerana pencabar tunggal Tengku Razaleigh sudah mendapat dua pencalonan, Abdullah memerlukan 135 pencalonan untuk menghalang Tengku Razaleigh daripada layak bertanding jawatan itu.

Bagi jawatan naib presiden pula, tiga calon, Datuk Dr Rais Yatim, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad hari ini melepasi syarat layak bertanding jawatan itu.

Muhyiddin mendapat 28 pencalonan, Mohd Isa 22 pencalonan dan Rais 19 pencalonan.

Ini menjadikan jumlah sembilan orang yang layak bertanding bagi jawatan ketiga tertinggi itu dengan penyandanginya Datuk Seri Najib Tun Razak masih mendahului dengan 122 pencalonan.

Pencalonan bagi seorang lagi penyandang Tan Sri Muhammad Muhd Taib meningkat kepada 22 pencalonan.

Turut layak ialah Datuk Abdul Ghani Othman dengan 70 pencalonan, Datuk Seri Abu Hassan Omar (48), Datuk Seri Syed Hamid Albar (32) dan Datuk Osu Sukam (29).

Razaleigh hari ini menerima dua pencalonan bagi jawatan naib presiden, menjadikan jumlah pencalonan kepada enam. Pencalonan itu dibuat oleh Bahagian Lembah Pantai dan Kuala Pilah.

Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, yang sebelum ini mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding bagi jawatan itu, bagaimanapun, telah dicalonkan oleh Bahagian Batu hari ini, menjadikan jumlahnya kepada tiga.

Hari ini sebanyak 35 bahagian mengadakan mesyuarat masing-masing.

Datuk Hishammuddin Tun Hussein, secara tidak rasminya telah memenangi jawatan Ketua Pemuda Umno, memperolehi 16 lagi pencalonan, menjadikan jumlah pencalonan kepada 155.

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat 119 pencalonan bagi jawatan naib ketua pergerakan itu manakala pencabarnya Zein Isma Ismail mendapat 29 pencalonan.

Bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat 86 pencalonan sementara penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat 67 pencalonan.

Bagi jawatan naib ketua, timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat 84 pencalonan, Ketua Pergerakan Wanita Perak, Ainon Khariyah Miohd Abas mendapat 47 pencalonan dan penyandang Datuk Napsiah Omar mendapat 22 pencalonan.

Napsiah memerlukan empat lagi pencalonan untuk layak bertanding mempertahankan jawatan berkenaan.

Kesemua Bahagian di Johor, Sabah, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis sudah menyelesaikan mesyuarat perwakilan masing-masing.

-- BERNAMA

ARA RHM